

07 NOV 1998

Chan-Urusan

URUSAN BERKAITAN LESEN TV DAN TELEKOM BERJALAN SEPERTI BIASA

KUALA TERENGGANU, 7 Nov (Bernama) -- Segala urusan yang berkaitan dengan pembayaran lesen televisyen dan yang berhubung kait dengan penyiaran dan telekomunikasi masih berjalan seperti biasa dengan jabatan-jabatan yang sedia ada.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Chan Kong Choy berkata orang ramai tidak perlu keliru mengenai segala urusan berkaitan pembayaran lesen TV dan sebagainya yang dahulunya dilakukan oleh Kementerian Penerangan kerana ia masih dikendalikan oleh Jabatan Penerangan sehingga Akta Telekomunikasi dan Multimedia dikuatkuasakan April tahun hadapan.

Akta itu diluluskan Parlimen beberapa bulan lepas dan apabila penguatkuasaannya nanti secara automatik Akta Komunikasi dan Akta Penyiaran dimansuhkan, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan MCA negeri di sini, semalam.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kementerian baru itu bagi menggantikan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan juga mengambil tugas Kementerian Penerangan daripada segi dasar dan perundangan.

Bagaimanapun, Kementerian Penerangan tetap dikekalkan untuk menjalankan tugas sebagai saluran penyampaian maklumat kerajaan kepada rakyat.

Berkenaan penubuhan Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia, Chan berkata ia sekarang dalam penubuhan struktur suruhanjaya itu sendiri dan pelantikan anggotanya akan dibuat dalam masa yang terdekat.

Selain pengerusinya, sekurang-kurangnya empat lagi anggota yang terdiri daripada wakil kerajaan dan individu yang berkebolehan di dalam bidang telekomunikasi dan multimedia akan dilantik, katanya.

Beliau berkata suruhanjaya itu akan dipertanggungjawabkan dengan bidang-bidang berhubung komunikasi, telekomunikasi, multimedia, komputer dan penyiaran.

"Selain itu, suruhanjaya itu juga akan melaksanakan tugas yang termaktub di dalam Akta Tandatangan Digital serta urusan perkhidmatan pos apabila Jabatan Pos Malaysia diserahkan kepada suruhanjaya itu tidak lama lagi," katanya.

-- BERNAMA

SBS AKD